



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No.2) 1989

DR.24/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No. 2) 1989. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang yang tidak melebihi enam ratus sepuluh juta dua ratus dua puluh sembilan ribu tujuh ratus ringgit (\$610,229,700) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1988, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1988, Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1988.

Akta A682.
Akta A726.
Akta A736.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1989.

Akta A713.
Akta A736.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang yang tidak melebihi satu ratus empat puluh lapan juta lima ratus dua puluh lapan ribu tujuh ratus ringgit (\$148,528,700) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1989, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1989 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 27 ..	Kementerian Luar Negeri ..	\$ 10,229,700
B. 30 ..	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	600,000,000
	JUMLAH ..	\$610,229,700

JADUAL KEDUA
(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 7 ..	Jabatan Perdana Menteri ..	\$112,964,500
B. 10 ..	Jabatan Peguam Negara	400,000
B. 20 ..	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	575,200
B. 25 ..	Kementerian Pertahanan ..	3,490,100
B. 27 ..	Kementerian Luar Negeri ..	3,261,600
B. 30 ..	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	20,000,000
B. 42 ..	Jabatan Percetakan Negara ..	7,837,300
	JUMLAH ..	\$148,528,700

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1988 dan 1989 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1988, Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989, Akta Perbekalan 1989 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989.

[PN. (U²) 1580.]

